

**Kenyataan Nik Aziz Mengenai Penerima BR1M, Tak Bertanggungjawab - Musa Aman**  
**Bernama**  
**25 Februari, 2013**

SANDAKAN, 25 Feb (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman Isnin menyifatkan kenyataan Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menyamakan penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dengan haiwan sebagai tidak bertanggungjawab.

"Kerajaan Barisan Nasional (BN) mempunyai ekonomi yang baik dan apa salahnya ia diturunkan kepada rakyat," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Sibuga di sini Isnin.

Musa adalah Adun kawasan berkenaan.

Mengulas seterusnya kenyataan Nik Abdul Aziz itu, Musa berkata, ia satu penghinaan.

Beliau meminta rakyat Sabah mengambil pengajaran dan menjadikan tohmahan berbaur fitnah oleh pemimpin berkenaan sebagai suntikan semangat untuk terus berusaha memajukan diri melalui pelbagai program serta bantuan oleh BN.

Pada majlis itu, seramai 4,850 orang termasuk golongan bujang menerima bantuan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=930193>